

KENYATAAN YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH

21 JUN 2019

.....

1. PELANTIKAN PEGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

Dengan ini dimaklumkan bahawa Encik Muhammad Hilmi Bin Ahmad Fauzi telah dilantik menjadi Pegawai Tadbir di MPSP berkuatkuasa 3 Jun 2019. Beliau ditempatkan di Jabatan Pelesenan sebagai Penolong Pengarah Pelesenan.

2. PROGRAM TEMASYA SYAWAL @ BUTTERWORTH ART WALK BULAN JUN 2019

Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Think City Sdn. Bhd. dengan kerjasama Zart Eventive akan menganjurkan Program Temasya Bagan di Butterworth Art Walk pada 22 Jun 2019 (Sabtu) di Lorong Bagan Luar 2, Butterworth. Tema sambutan Temasya Bagan bagi bulan Jun 2019 adalah Temasya Syawal sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2019. Program akan bermula pada jam 3.00 petang sehingga 11.00 malam.

Temasya Bagan merupakan salah satu *platform* yang dapat membuka ruang kepada komuniti dengan pelbagai komponen *education and awareness* dari segi seni, budaya dan warisan tempatan. Program ini mengetengahkan konsep mesra keluarga dan santai ilmu selain aktiviti sihat sebagai salah satu pengisian program. Semua penduduk Seberang Perai dijemput hadir bagi memeriahkan program Temasya Syawal ini

3. BIL CUKAI TAKSIRAN PENGGAL KEDUA 2019

Dimaklumkan bahawa Bil Cukai Taksiran Penggal Kedua 2019 akan mula diterima oleh pemilik premis di Seberang Perai secara berperingkat mulai **28 Jun 2019** dan pembayaran perlu dibuat selewat-lewatnya pada **31 Ogos 2019**.

Bayaran boleh dibuat di kaunter bayaran MPSP di Bandar Perda, Butterworth dan Jawi. Pembayar cukai juga boleh membuat bayaran secara online di laman web MPSP, laman web Kerajaan Negeri Pulau Pinang serta agen-agen yang sah dilantik oleh MPSP.

Sila hubungi di talian 04-5497790 / 470 / 471 / 468 / 696 / 697 untuk pertanyaan serta maklumat lanjut mengenai cukai taksiran anda.

4. PROMOSI CUKAI TAKSIRAN PENGGAL KEDUA TAHUN 2019

Dimaklumkan bahawa Promosi Cukai Taksiran Penggal Kedua Tahun 2019 akan bermula 1 Julai 2019 dan tamat 31 Ogos 2019 . Promosi ini bersempena dengan naiktaraf Majlis Perbandaran Seberang Perai kepada Majlis Bandaraya Seberang Perai.

Kriteria yang melayakkan pembayar cukai taksiran terpilih dalam cabutan bertuah ini adalah seperti berikut :-

- (a) Bayar keseluruhan cukai taksiran penggal kedua tahun 2019 berserta tunggakan termasuk tunggakan penggal pertama 2019 (jika ada).
- (b) Pembayaran hendaklah dibuat mulai 1 Julai 2019 hingga 31 Ogos 2019.
- (c) Pembayaran boleh dibuat di semua kaunter MPSP, laman web dan agen-agen yang sah dilantik oleh MPSP seperti di

Lampiran A

Bagi promosi khas ini, MPSP telah menyediakan sebanyak **lima belas (15)** hadiah bagi **kategori A** iaitu bayaran secara **ONLINE / MELALUI AGEN KUTIPAN** manakala **lima (5)** hadiah bagi **kategori B** iaitu **BAYARAN DIKAUNTER MPSP**. Jumlah keseluruhan hadiah yang disediakan adalah sebanyak **dua puluh (20)** hadiah yang menarik dan lumayan.

Bagi **kategori A**, hadiah-hadiah cabutan bertuah yang ditawarkan seperti berikut: -

Kedudukan Hadiah	Jenis Hadiah
Tempat pertama hingga tempat ke - 5	Wang Tunai RM1,000 setiap satu
Tempat ke - 6 hingga tempat ke - 15	Pelbagai jenis perkakasan telekomunikasi serta peralatan rumah atau elektrik

Bagi **kategori B**, lima (5) hadiah yang ditawarkan adalah yang terdiri daripada **wang tunai RM200.00 setiap satu**.

MPSP menyediakan 10,000 buah buku kupon letak kereta percuma bernilai RM2.00 setiap satu kepada yang layak dan terawal. Setiap akaun yang layak hanya diberikan satu **(1) cenderamata sahaja**.

Pemilik premis yang telah membuat bayaran samada di kaunter MPSP atau secara online/agen kutipan, boleh terus membuat tuntutan cenderamata di kaunter tuntutan di Ibu Pejabat MPSP di Bandar Perda dan kaunter cawangan dengan mengemukakan bukti pembayaran.

Dengan ini, semua pemilik premis dinasihatkan membuat bayaran cukai taksiran penggal kedua bagi tahun 2019 berserta tunggakan (jika ada), bagi melayakkan anda menerima cenderamata serta terpilih untuk cabutan bertuah.

Maklumat lanjut mengenai terma dan syarat serta senarai hadiah yang ditawarkan, sila layari laman web www.mpsp.gov.my atau hubungi di talian **04-5497470 / 471 / 697 / 696 / 468 / 790** atau e-mail di waran@mpsp.gov.my

5. SAMBUTAN HARI ULANG TAHUN PERISYTIHARAN TAPAK WARISAN DUNIA

Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Ulang Tahun Perisytiharan Tapak Warisan Dunia yang bakal diraikan pada 7 Julai 2019 (Ahad). Oleh itu, keesokan harinya merupakan hari kelepasan am.

6. MPSP CAR FREE MORNING PADA 7 JULAI 2019 (AHAD)

Dimaklumkan bahawa program sihat MPSP akan diadakan pada 7 Julai 2019 (Ahad) di Jalan Todak 2 dan 3, Seberang Jaya bermula 7.30 pagi hingga 12.00 tengah hari. Car Free Morning pada bulan ini berkolaborasi bersama dengan Kementerian Belia dan Sukan dalam penganjuran Program Sukan Wanita dan Veteran Peringkat Negeri Pulau Pinang. Terdapat pelbagai aktiviti yang menarik antaranya aktiviti zumba, pertandingan bola jaring 3 lawan 3, permainan kanak-kanak, pemeriksaan kesihatan dan banyak lagi aktiviti menarik.

7. SAMBUTAN HARI JADI YANG DIPERTUA NEGERI PULAU PINANG

Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Sambutan Hari Lahir Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang yang bakal diraikan pada 13 Julai 2019 (Sabtu). Oleh itu, hari tersebut merupakan hari kelepasan am. Kami mendoakan kesejahteraan dan kesihatan yang baik dikurniakan kepada Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama Hajah Majimor Binti Shariff dan seisi keluarga.

8. SENAMROBIK BERSAMA MPSP

Dimaklumkan Program Senamrobik Bersama MPSP di Padang Pemuda Merdeka, Butterworth yang juga dikenali sebagai Padang Bandaran MPSP akan diadakan pada 21 Julai 2019 (Ahad). Manakala Senamrobik di Taman Bukit Panchor, Nibong Tebal akan diadakan pada 23 Jun 2019 dan 28 Julai 2019 (Ahad). Sehubungan dengan itu, semua penduduk Seberang Perai adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7.30 pagi.

9. KARNIVAL 8R ANJURAN BERSAMA JCI BATU KAWAN

Dimaklumkan setiap Ahad minggu terakhir akan diadakan Karnival 8R anjuran bersama JCI Batu Kawan di Pasar Kota Permai pada 28 Julai 2019, jam 8.00 pagi sehingga 11.30 pagi. Tujuan Karnival ini diadakan adalah untuk mewujudkan kesedaran akan kepentingan penggunaan bijak (smart consumption) bagi penjagaan alam sekitar demi masa hadapan. 8R yang dimaksudkan adalah Rethink, Refuse, Reduce, Re-use, Repair, Re-gift, Recover dan Recycle.

SEKIAN, TERIMA KASIH.

LAMPIRAN A

- Saluran bayaran secara online adalah seperti berikut (17 saluran):-
 - ✓ Laman web MPSP : www.mpsp.gov.my
 - ✓ Laman web Kerajaan Negeri Pulau Pinang :
<https://ebayar.penang.gov.my>
 - ✓ Perbankan Internet:
 1. Bank Islam Malaysia Berhad
 2. Maybank
 3. Alliance Bank
 4. Ambank
 5. RHB Bank
 6. BSN
 7. Affin Bank
 8. Public Bank
 9. Bank Muamalat
 10. Agro Bank
 11. CIMB Bank
 12. HSBC
 13. MBF Cards (Ambank)
 14. Citibank
 15. JomPAY
 - ✓ Manakala senarai agen-agen kutipan kaunter yang sah dilantik MPSP adalah seperti berikut :-
 1. Majlis Bandaraya Pulau Pinang
 2. Bank Rakyat
 3. Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP)
 4. Pos Malaysia
 5. Pejabat Daerah dan Tanah Seluruh Negeri Pulau Pinang
 - ✓ Kaunter Bayaran MPSP di Ibu Pejabat Bandar Perda, Pejabat Cawangan Kampung Jawa, Butterworth dan Pejabat Cawangan di Jawi.
 - ✓ Kiosk